



Dia dah terjaga  
Tukar ke Yoodo sekarang dan rasa kuada 20GB @ RM20! #whatyouwant  
Yoodo

Ketahui Lagi >



Sarawak Sabah Nasional Dunia Iban Sukan Ekonomi Mahkamah Rencana Horizon Hiburan Kolumn tvUB

# Sarawak beralih kepada hibrid, digital

⌚ 2021-10-23 To 08:55:18 +08:00



Abang Johari menerima cenderahati daripada Nancy (kiri) sebagai tanda penghargaan. Turut kelihatan Abdul Karim (kanan). -Gambar Chimon Upon

KUCHING: Acara hibrid adalah satu contoh utama bagaimana acara-acara perniagaan Sarawak diteruskan dengan transformasi digital.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata dunia baharu hari ini memerlukan kita untuk mengguna pakai kaedah yang akan meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta mewujudkan persekitaran kondusif.

“Saya gembira industri acara perniagaan Sarawak sudah beralih kepada pendigitalan dalam proses perniagaan.

“Ketika kita memecut keupayaan digital kita, masih terdapat penekanan kepada kepentingan mesyuarat secara bersemuka,” katanya ketika berucap pada Program ‘Meet In Malaysia & Sarawak’ atau MIM Sarawak sempena pelancaran Kuching-Hybrid City Alliance yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di sini pada Jumaat.

Tambah Abang Johari acara hibrid akan memperkuatkan pengalaman dan penglibatan acara, membolehkan capaian yang lebih luas untuk penyebaran ilmu dan mewujudkan kerjasama baharu dan pada masa sama menyokong usaha kerajaan negeri di bawah Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS).

Jelasnya, dalam usaha bergerak ke hadapan, Sarawak fokus kepada impak legasi acara perniagaan dan kerjasama kebangsaan antara Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) dan Business Events Sarawak (B-E-Sarawak).

Katanya dengan pembukaan sempadan domestik dan dua jenis insentif yang boleh didapati, beliau mengajak semua pemain industri untuk menjadikan Sarawak sebagai destinasi acara perniagaan mereka seterusnya.

Terdahulu Abang Johari mengucapkan tahniah kepada B-E-Sarawak dan industri acara perniagaan kerana menjadikan bandar Kuching sebagai ahli Hybrid City Alliance.

“Diiktiraf sebagai bandar hibrid adalah pembangunan penting di mata kerajaan Sarawak.

“Acara perniagaan adalah sebahagian daripada strategi PCDS 2030 dan untuk destinasi dibangunkan, kita perlu memanfaatkan penyelidikan, kepakaran dan hubungan dengan mengadaptasi pendigitalan sebagai strategi ke arah transformasi digital,” katanya.

Dalam pada itu program MIM adalah cetusan idea MyCEB untuk menghimpunkan menarik penglibatan industri acara perniagaan kebangsaan untuk menyokong usaha pemulihan.

MyCEB baru-baru ini menyertai Hybrid City Alliance untuk menawarkan penyelesaian bagi acara kebangsaan dan antarabangsa dilangsungkan di pelbagai bandar termasuk Kuching yang diwakili B-E-Sarawak.

Penglibatan Kuching dalam Hybrid City Alliance ini dijangka mewujudkan nilai baharu bagi perancang acara perniagaan dan meningkakan rayuan destinasi Sarawak.

Hadir sama Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Datuk Seri Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Keseniaan dan Kebudayaan Sarawak Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah dan Ketua Setiausaha MOTAC Datuk Wira Dr Noor Zari Hamat.